



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA
PENGUMUMAN**

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) adalah merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 [Akta 487] bagi mengawal selia profesion ukur bahan untuk praktis atau beramal dalam memberi perkhidmatan berkaitan ukur bahan di Malaysia.

LJBM ingin memberi peringatan mengenai larangan kepada individu yang tidak berdaftar untuk beramal sebagai Juruukur Bahan supaya **TIDAK** mengiklan, atau mempromosi dalam apa-apa bentuk media untuk memberi perkhidmatan berkaitan ukur bahan.

Selaras dengan Seksyen 7 Akta 487, mana-mana individu atau firma juga tidak dibenarkan untuk beramal sebagai Juruukur Bahan kecuali telah berdaftar sebagai Juruukur Bahan Konsultant (*Consultant Quantity Surveyors, CQS*) atau Juruukur Bahan Profesional (*Professional Quantity Surveyors, PQS*). Larangan ini termasuk penggunaan nama atau gelaran lain yang mungkin menimbulkan tanggapan bahawa individu tersebut adalah Juruukur Bahan.

Seksyen 7A Akta 487 menyatakan bahawa mana-mana individu adalah tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan mengutip fi atau menuntut sebarang bayaran untuk khidmat nasihat profesional sebagai Juruukur Bahan tanpa memperoleh permit untuk beramal sebagai Juruukur Bahan Perunding (*Consulting Quantity Surveying Practice, CQSP*) dengan LJBM. LJBM berhak untuk mengambil tindakan disiplin atau penalti selaras dengan Seksyen 24(h), Akta 487 sekiranya terbukti pelanggaran telah dilakukan.

Individu atau orang awam yang berminat untuk berdaftar sebagai Juruukur Bahan atau memerlukan perkhidmatan ukur bahan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang LJBM di www.bqsm.gov.my.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Bertarikh 31 Julai 2025

Sr Dr. WAN AZLINA BINTI HAJI IBRAHIM, CQS
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
WA/eah/rm